



**TEKS UCAPAN**  
**YAB DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN BIN MD ALI**  
**KETUA MENTERI MELAKA**  
**SEMPENA**  
**MAJLIS PERASMIAN PENUBUHAN ATTAISIR MALAYSIA**  
**DAN**  
**PELANCARAN KITAB "ATTAISIR LILHUSULIL AL-TARTIL"**

**TARIKH: 4 APRIL 2021 (AHAD) , MASA: 9.00 PAGI**  
**BERTEMPAT DI PASIFIC BALLROOM, HOTEL LA CRISTA**  
**MELAKA**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا  
مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Lafaz selawat kepada Rasul Junjungan, Nabi Muhammad SAW, yang menjadi ikutan, dan suri tauladan sepanjang zaman.

*Allahuma Solli 'Ala Sayyidina Muhammad Wa'ala A-li Sayyidina Muhammad.*

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Salam Sejahtera dan Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat  
Bahagia, Menggamit Dunia.

Terima kasih Pengacara Majlis;

Sahibus Samahah Datuk Wira Hj. Abdul Halim bin Tawil,  
Mufti Kerajaan Negeri Melaka;

Yang Berusaha Al Fadhil Ustaz Saiful Amrullah bin  
Mahmud,  
Pengerusi Attaisir Malaysia Merangkap Pengarang Kitab  
"Attaisir Lihusulil Al-Tartil";

Para Mantan Pensyarah Mahaad Tahfiz Al-Quran Negeri  
Melaka;

Para Pengerusi Cawangan Attaisir Seluruh Negeri;

Yang Berbahagia Datuk-datuk dan Datin-datin, Rakan-  
rakan Media, Tuan-tuan Guru, Para Alim Ulama dan  
Barisan Asatizah Yang dimuliakan sekalian.

Apa khabar semua? Semua sihat?  
Syukur, Alhamdulillah.

## **MUKADIMAH**

1. Pada pagi ini, tanggal 4 haribulan April 2021 bersamaan 21 Syaaban 1442 Hijriyyah yang mana kita sudah menghampiri bulan yang ditunggu-tunggu oleh seluruh Umat Islam iaitu bulan Ramadan.

2. Alhamdulillah, dengan takdir Allah SWT, meskipun masih berada dalam Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan atau PKPP, saya berpeluang bertemu dengan tuan-tuan dan puan-puan serta para asatizah, para alim ulama dan tuan-tuan guru yang sentiasa menjadikan negeri kita ini sentiasa di bawah naungan dan kasih sayang Allah SWT. Semoga penganjuran majlis pada pagi ini dinilai sebagai amalan baik dan diberkati Allah SWT jua.

Muslimin dan muslimat yang dirahmati Allah SWT,

## **LATAR BELAKANG PENUBUHAN ATTAISIR MALAYSIA**

3. Di kesempatan ini, bagi pihak Kerajaan Negeri Melaka, saya ingin menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak penganjur kerana menjemput saya untuk merasmikan Penubuhan Attaisir Malaysia, seterusnya melancarkan Kitab " Attaisir Lilhusuli Al-tartil yang dikarang oleh Pengerusi Attaisir Malaysia sendiri, Al-Fadhil Ustaz Saiful Amrullah Mahmud.

4. Justeru, syabas dan tahniah saya ucapkan kepada Al-Fadhil Ustaz Saiful Amrullah. Saya percaya, usaha untuk menyiapkan kitab ini bukanlah suatu perkara yang mudah. Banyak sudut yang perlu diteliti dan diselia, lebih-lebih lagi apabila ia berkaitan ilmu-ilmu Al-Quran.



5. Saya difahamkan, beliau mengambil masa 9 tahun untuk menyiapkan kitab ini untuk mendidik masyarakat tentang ilmu Al-Quran sehingga menubuhkan Pertubuhan Attaisir Malaysia. Saya berasa bangga dengan apa yang telah diusahakan oleh pengarang kitab untuk menyebarkan lagi pengajian tentang Makhraj dan sifat huruf Al-Quran melalui method atau formula oleh Al-Imam Ibnu Al-Jazari Rahimullah Taala. Saya berdoa semoga akan ada lebih ramai generasi muda yang menjejaki usaha Al-Fadhil Ustaz Saiful Amrullah kelak.

6. Saya juga difahamkan bermula pergerakan pertubuhan Attaisir ini adalah datangnya dari Negeri Melaka, dan kini, sudah ada 9 buah negeri iaitu Negeri Melaka, Negeri Sembilan, Selangor, Pahang, Kedah, Perak, Johor, Sabah dan Sarawak yang telah bernaung di bawah Attaisir Malaysia.
  
7. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada mereka yang telah dilantik sebagai Pengerusi Attaisir bagi setiap negeri. Moga Allah SWT mempermudah urusan mendidik sambil berdakwah sehingga menjadikan masyarakat yang celik Al-Quran dan fasih membacanya.

Saudara dan saudari,

8. Sebagaimana kita sedia maklum, sehingga kini, kita masih berdepan dengan penularan wabak COVID-19 yang masih belum menemui noktahnya. Wabak ini adalah ujian bagi semua umat Islam di seluruh dunia.
9. Berkait itu, inilah masanya untuk kita perbanyakkan zikir, mendekatkan diri kepada Allah SWT dengan mentadabur kalam-Nya, mendalami makna dan dijadikan kitab suci Al-Quran ini sebagai panduan hidup yang utama dalam kehidupan kita.

10. Sesungguhnya bagi kita sebagai umat Islam, tiada keraguan sama sekali ke atas mukjizat Al-Quran sebagai petunjuk kerana ia dijamin oleh Allah SWT akan kemuliaan dan kesuciannya. Seperti mana firman Allah SWT dalam **surah Al-Hijr ayat ke-9** ;

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الذِّكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ ﴿٩﴾

Yang bermaksud: “Sesungguhnya kamilah yang menurunkan az-zikr, iaitu al-quran dan kami jualah yang memelihara dan menjaganya.” (Surah Al-Hijr, ayat 9).

Saudara dan saudari yang dihormati sekalian

## **PENUTUP**

11. Saya amat menyokong usaha-usaha begini bagi membentuk masyarakat yang cintakan Al-Quran dari pelbagai lapisan masyarakat seterusnya menjadikan Negeri Melaka sebagai **“Baladatul Thoyyibatun Wa Rabbun Ghafur”**, yakni “negeri makmur Tuhan berkati” yang cemerlang duniawi dan ukhrawi.

12. Akhir kata, dengan lafaz kalimah suci, Bismillahirrahmanirrahim, saya merasmikan Pertubuhan Attaisir Malaysia dan Melancarkan Buku "Attaisir Lilhusulil Al-Tartil" bagi tahun 2021 Masihi 1422 Hijrah.

Sekian,

وَبِاللَّهِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ